



Laporan Tasik Chini diserahkan ke UNESCO - Mohd Sharkar

Oleh **TN Alagesh** - Oktober 4, 2022 @ 7:30pm
bhnews@bh.com.my



Pemandangan udara Tasik Chini yang terkesan akibat perlombongan dan pembalakan haram. Foto fail NSTP

TEMERLOH: Laporan terperinci mengenai kerja penambahbaikan di tapak Rizab Biosfera Tasik Chini di Pekan sudah diserahkan kepada Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Laporan itu diserahkan delegasi yang diketuai Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak yang turut disertai Pengarah Jabatan Perhutanan negeri, Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin ke Perancis minggu lalu.

Perkembangan itu dimaklumkan EXCO Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsuddin ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

"Laporan berkenaan dihantar ke pejabat UNESCO di Paris dan wakil tetap kami di sana akan membantu," katanya mengulas tarikh akhir ditetapkan bagi pihak berkuasa

mengemukakan laporan pemuliharaan Tasik Chini yang rosak akibat aktiviti perlombongan tidak terkawal, pada 30 September lalu.

Sementara itu, Mohd Sharkar mengakui kemungkinan ada beberapa kelemahan bagi menangani isu itu sebelum ini, namun kerajaan negeri sedang berusaha untuk memulihkan persekitaran Tasik Chini.

"Kerajaan negeri sudah memasukkan butiran mengenai usaha berterusan untuk memulihkan tasik ini, termasuk inisiatif baharu yang dilaksanakan. Kami mempamerkan kesungguhan mengenai perkara ini.

"Kita mempunyai Pusat Penyelidikan Tasik Chini yang diketuai Universiti Kebangsaan Malaysia, membantu memulihkan tasik ini sebagai habitat pelbagai flora dan fauna, manakala Jabatan Perhutanan negeri secara agresif menanam anak pokok di sekitarnya," katanya.

Mohd Sharkar berkata kerajaan negeri sudah menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang dan Majlis Biodiversiti Pahang bagi membantu memelihara kelestarian tasik air tawar kedua terbesar di negara ini.

.